



# UPNM

National Defence University of Malaysia  
Kewajipan • Maruah • Integriti

# PERUTUSAN TAHUN BAHARU 2022



**YBHG. LEFTENAN JENERAL DATUK HASAGAYA BIN ABDULLAH  
NAIB CANSELOR**

**Bismillahir Rahmannir Rahim**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera**

**Seluruh warga Universiti Pertahanan Nasional Malaysia yang saya hormati dan kasihi sekalian,**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana atas kurniaan rahmat dan kasih sayangNya juga, maka kita dapat bersama-sama melangkah ke tahun baharu 2022 dengan penuh semangat dan keazaman yang tinggi. Tahun 2021 yang baru sahaja melabuhkan tirai, tentunya telah memahat sejarah tersendiri yang amat bermakna bagi kita semua. Secara umumnya sepanjang tahun 2021, kita masih lagi berhadapan dengan pelbagai cabaran akibat penularan pandemik COVID-19. Pun begitu, cabaran dan dugaan tersebut telah berjaya kita harungi berbekalkan semangat solidariti erat oleh segenap warga.

Justeru itu, saya menzahirkan perasaan amat berbangga dan berterima kasih atas segala pengorbanan, komitmen serta usaha gigih yang telah diberikan oleh setiap warga. Sesungguhnya, serlahan semangat kekitaan yang begitu menebal telah berhasil membawa sinergi kolektif yang membuaikan pelbagai siri kejayaan manis.

Kita juga menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pemegang taruh utama iaitu Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia serta rakan-rakan strategik atas sokongan dan kepercayaan yang tidak berbelah bahagi dalam tempoh senang mahu pun sukar. Sesungguhnya, perkongsian aspirasi yang dijelmakan menerusi gandingan kolaborasi ini telah memangkin pengukuhan kapasiti serta kematangan UPNM, khususnya dalam mendepani cabaran arus perdana pengajian tinggi.

Selanjutnya bagi tahun 2022, usaha akan terus digiatkan demi mengekalkan rentak kecemerlangan dan meningkatkan prestasi UPNM ke tahap yang lebih tinggi. Bagi menjayakannya, marilah kita berganding bahu menggembrelleng usaha dan iltizam demi menjulang kredibiliti Universiti yang kita sayangi ini sebagai autoriti pelopor tujuan pertahanan dan keselamatan.

Akhir kata, semoga kita semua dapat menjadikan segala pengalaman lalu sebagai pedoman dan penanda aras untuk kita berusaha dengan lebih gigih di tahun 2022. Paling utama, segala usaha kita ini mestilah disandarkan kepada kejujuran, amanah serta rasa tanggungjawab dalam melunasi mandat paling besar institusi mulia ini, iaitu untuk melahirkan putera puteri bangsa yang akan terus memegang erat sumpah setia mempertahankan maruah dan kedaulatan Malaysia yang tercinta.

Sekian, dan Selamat Menyambut Tahun Baharu 2022.

**“Kewajipan, Maruah, Integriti”**